

# Hukuman terhadap Parti Demokrat

Bilionair hartanah Donald Trump bukanlah calon yang menjadi pilihan sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) dalam banyak kaji selidik dan undian yang dibuat berikutan penyertaannya untuk menentang Hillary Clinton pada Pilihan Raya Presiden 2016. Trump hanya popular sebagai bilionair yang mempunyai beberapa rancangan TV realiti yang popular.

KU SEMAN KU HUSSAIN



**A**pabila menyuarkan hasrat untuk bertanding, seterusnya bersungguh-sungguh mahu menentang bekas Setiausaha Negara AS itu, Trump dilihat akan ditewaskan dengan mudahnya oleh lawannya. Ketokohan Clinton sebagai orang nombor dua selepas Presiden Barack Obama menjadi kelebihan yang tidak ada pada Trump. Golongan elit memihak kepada Clinton,

lebih-lebih lagi beliau pernah menjadi wanita pertama yang teraniaya oleh sikap buruk suaminya, Bill.

Simpati juga dikatakan menjadi faktor untuk melonjakkan sokongan kepada Clinton, terutama golongan wanita, sejak tersebarnya skandal seks suaminya dengan pembantu White House, Monica Lewinsky, pada tahun 1995. Begitu pun, yang menjadi persoalan ialah sebab Trump berjaya menewaskan

Clinton pada 9 November lalu. Apakah rahsia yang membolehkan Trump meraih 306 undi oleh perwakilan tempatan (*electoral college*) berbanding dengan Clinton yang hanya mendapat 232 daripada 538 undi keseluruhan?

Trump merupakan calon parti Republikan, sementara itu Clinton mewakili Demokrat. Dua penggal lalu, Demokrat memenangi Pilihan Raya Presiden AS apabila buat pertama kalinya calon bukan kulit putih, Obama, dipilih menjadi Presiden AS. Demokrat menaruh harapan yang sangat besar untuk terus berjaya bersama-sama Clinton.

Kekalahan Clinton, antaranya, disebabkan oleh gelombang besar-besaran dalam kalangan rakyat kelas sederhana dan rendah yang menolak elitis politik, seperti Clinton, yang didakwa mengabaikan perhatian kepada golongan berkenaan. Hal ini dianggap sebagai hukuman kepada parti Demokrat yang selama dua penggal dipegang oleh Obama, tetapi gagal menzahirkan banyak janji dalam manifesto semasa berkempen.

Pelan kesihatan Obama Care, misalnya, menghadapi kegagalan apabila tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Era Obama lebih memperlihatkan peluang dan kepentingan kepada golongan pertengahan dan elit. Hal ehwal dalaman AS, terutamanya yang menjuruskan negara itu dalam krisis ekonomi yang teruk, memberikan kesan yang besar, seperti meningkatnya pengangguran dan inflasi.

Penyokong Clinton gembira dengan kenyataan provokatif Trump semasa berkempen kerana percaya hal itu akan membuatkan rakyat menolak Trump. Misalnya, sikap Trump yang seolah-olah berada dalam keadaan "separuh sedar" tentang realiti politik mengugut mahu menghalau semua orang Islam keluar dari AS sebagai ekor serangan penganas di Perancis.



Clinton penyokong tegar LGBT.

**Trump orang yang berterus-terang dengan apa-apa yang difikirkannya, manakala Clinton pula mungkin tidak berani mengeluarkan kenyataan bahaya seperti itu walaupun pada hakikatnya, beliau juga bersikap anti-Islam.**

Sebaik-baik sahaja tersebarnya kenyataan anti-Islam itu, tunjuk perasaan diadakan secara besar-besaran terhadap Trump. Memang benar Trump bukanlah ahli politik yang terikat dengan retorik untuk mengawal perasaan pengundi. Trump orang yang berterus-terang dengan apa-apa yang difikirkannya, manakala Clinton pula mungkin tidak berani mengeluarkan kenyataan bahaya seperti itu walaupun pada hakikatnya, beliau juga bersikap anti-Islam.

Provokasi untuk menarik sokongan bukan Islam itu kemudiannya dipadamkan dari laman rasmi Trump. Hal itu dihebahkan secara besar-besaran oleh pasukan media Trump. Kesannya sangat luar biasa. Ugutan menghalau orang Islam tidak memberikan kesan kepada Trump. Sebaliknya Trump mengajak pengundi yang totok Demokrat, terutama dalam kalangan Islam, menolak Demokrat kerana Clinton didakwa penyokong tegar lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dan pluralisme agama.

Pada masa yang sama, pakar strategi Trump juga mengambil tindakan pantas membendung kemarahan orang Islam dengan mengalih isu tersebut kepada isu dasar luar yang kelihatan jauh lebih berani berbanding dengan Obama. Kemarahan rakyat terpadam apabila yang banyak diperkatakan ialah komitmen Trump menjaga kepentingan AS apabila mahu meneliti semula hubungan dagang dengan China.

Trump seolah-olah mahu "menulis semula" dasar luar AS sekiranya dia diberi peluang menjadi presiden. Sebagai ahli perniagaan, Trump melihat sesuatu dari sudut perdagangan, tetapi tidak melihat kesan daripada percubaan mengocak kedudukan China sebagai kuasa utama ekonomi dunia. Kemenangan Trump sebagai Presiden AS disambut baik oleh negara Islam Asia Barat yang berada dalam keadaan begitu teruk dalam agenda Arab Spring pada era Obama.

Walaupun bagaimanapun, di balik semua ini (taktik Trump dan Hillary), kita perlu mengakui bahawa kuasa sebenar di belakang Presiden AS ialah pelobi Yahudi yang menguasai ekonomi negara itu. Merekalah yang menentukan dasar

penting, terutama yang ada kaitan dengan kepentingan Yahudi di AS dan juga dunia.

Selepas George W. Bush yang dibenci oleh masyarakat seluruh dunia kerana memerangi Afghanistan dan Iraq dengan alasan menjadi paksi penganas selepas peristiwa serangan 11 September 2001, Obama muncul dengan retorik yang lebih menjurus kepada keamanan dunia. Obama yang merupakan pemimpin kulit hitam pertama yang memegang jawatan Presiden AS memperlihatkan dasar luarnya yang mahu berbaik-baik dengan negara Islam. Obama dianugerahi Hadiah Nobel Keamanan walaupun dipersoalkan sumbangannya terhadap keamanan sejagat.

Pada era Obama juga, tercetus agenda penjajahan terhadap negara Islam melalui siri Arab Spring. Satu demi satu negara Islam hancur dan kini Syria menjadi medan tempur yang mengorbankan jutaan orang Islam. Kejayaan Trump begitu mengejutkan penganalisis politik di seluruh dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana Clinton dilihat lebih "baik" berbanding dengan Trump yang menggunakan sentimen anti-Islam untuk meraih sokongan. Begitu pun akhirnya Trump yang ekstrem dan provokatif berjaya merealisasikan impiannya bergelar presiden setelah berusaha menyusun strategi yang mungkin tidak diduga oleh Clinton.

Persoalannya, sekiranya Clinton dipilih sebagai Presiden AS, adakah beliau akan lebih toleransi terhadap umat Islam dan membantu negara Islam yang ditindas, seperti Palestin? Adakah Trump sememangnya anti-Islam kerana memberikan amaran akan menghalau orang Islam keluar dari AS? Adakah kenyataannya semasa berkempen pada Jun 2016 melarang rakyat Malaysia memasuki AS lebih buruk daripada Clinton? Banyak pihak yang menganggap kenyataan provokatif Trump akan menjadi senjata yang memusnahkannya. Namun begitu, yang berlaku sebaliknya kerana pola pengundi Trump adalah dalam kalangan kulit putih, rasis, dan trauma dengan orang Islam yang dijadikan bahan propaganda AS oleh Bush dan Obama sendiri. Mereka




Dalam siri kempennya, Trump banyak mencetuskan sentimen anti-Islam.

inihlah yang memberikan undi kepada Republikan walaupun Clinton dilihat seolah-olah lebih mesra kepada orang Islam. Trump memperlihatkan prejudisnya terhadap negara luar, terutama Asia, sekalipun mempunyai hubungan dagang dengan AS sejak sekian lama. Kuasa ekonomi baharu dunia, China, misalnya, berada dalam kebimbangan sekiranya Trump benar-benar meneliti semula hubungan dagang dengan negara itu.

Penganalisis ekonomi sependapat bahawa Asia akan menerima kesan pergolakan ekonomi yang teruk apabila Trump menduduki kerusi Presiden AS. Kesan awal dibuktikan dengan menjunamnya beberapa pasaran saham utama dunia sebaik-baik sahaja Trump menang Pilihan Raya Presiden AS. Hal ini memperlihatkan ketidakyakinan pelabur dan peniaga terhadap pendekatan Trump mencatur hal ehwal perdagangan dan ekonomi mengikut emosi dan ekstrem.

Firma penyelidikan terkemuka dunia, Nomura Global Economics, seperti yang disiarkan oleh *Bloomberg*, baru-baru ini melaporkan negara, seperti Malaysia, Filipina, Thailand dan Indonesia, dijangka terjejas teruk apabila eksport ke AS menghadapi penurunan antara 10 hingga 15 peratus selepas ini. Dijangkakan bahawa Trump tentunya akan berfikir untuk meneliti semula hubungan dagang dengan China walaupun sedar China dijangka muncul sebagai kuasa ekonomi dunia yang menyaingi AS. Pada era Obama, AS mengambil tindakan mewujudkan Perjanjian Perkongsian Tran Pasifik (TPPA) yang melibatkan semua negara Asia kecuali China. TPPA ialah agenda AS untuk memperlahankan atau melumpuhkan kemaraan China sebagai kuasa baharu ekonomi dan ketenteraan.

Sebagai kesimpulannya, sesiapa sahaja yang dipilih menjadi Presiden AS, keadaan dunia masa ini tidak banyak berubah. Kepentingan Yahudi sentiasa menjadi keutamaan pemilih kuasa besar ini. Pada masa yang sama, negara Islam terutama di Asia Barat, akan terus menerima tekanan sama ada secara langsung atau sebaliknya.



Banyak pihak tertanya-tanya, sama ada TPPA pada era Obama akan diteruskan oleh Trump atau sebaliknya.